



## PERANAN BAHASA DALAM PEMBINAAN INSAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT HADHARI

(The Role of Language for Human and Hadhari Community  
Development)

AWANG SARIYAN\*

Beijing Foreign Studies University, 2 North Xisanhuan Avenue, Haidian  
District, Beijing, China, 100086

### ABSTRAK

*Dalam sejarah awal kehidupan insan, iaitu sejak zaman Nabi Adam a.s lagi, bahasa telah mula memainkan peranan penting untuk membina konsep diri dan untuk pengilmuan diri insan. Selanjutnya dalam pertumbuhan dan perkembangan tamadun manusia, bahasa menjadi salah satu unsur penting sebagai penayang pandangan sarwa (worldview) masyarakat, sebagai pungguk falsafah, ilmu dan pemikiran serta sebagai alat kreativiti insan dalam pelbagai bidang kehidupan. Pemikir-pemikir Islam yang ulung seperti al-Ghazali dan al-Farabi, misalnya, dan juga pemikir-pemikir besar dalam tradisi Barat seperti Humboldt, Descartes, Wittgenstein dan Chomsky meletakkan bahasa sebagai juzuk penting dalam ke-hidupan insan. Dalam konteks pembinaan dan pemantapan masyarakat hadhari, bahasa harus ditempatkan secara sewajarnya dalam ranah-ranah utama ke-hidupan insan. Makalah ini berusaha menyajikan hakikat peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat, dengan saran-saran praktis ke arah itu.*

**Kata Kunci:** Bahasa, Pendidikan Bahasa, Tamadun, Pengislaman Ilmu, Pembinaan Insan.

### ABSTRACT

*Since early human live, beginning with Prophet Adam a.s., language has played very significant role in developing the concept of oneself, and concept of acquiring knowledge. Later on, in the process of developing human civilization, language become very important element in shaping the world view of a community, conceptualizing the philosophy, knowledge and thinking process, and generating hu-*

\*Corresponding author: Awang Sariyan, Beijing Foreign Studies University, 2 North Xisanhuan Avenue, Haidian District, Beijing, China, 100086, Email: awsr@yahoo.com  
Diserahkan: 13 September 2008  
Diterima: 26 November 2008  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2009-0101-01>

*man creativities in every aspect of their life. Muslim scholars such as al-Ghazali and al-Farabi, and western thinkers such as Humboldt, Descartes, Wittgenstein and Chomsky acknowledge language as society, language should be placed in proper position in human live. This articles describes the importance of language in the develoment of human live and society, and proposes practical methods to-ward its realisation.*

***Keywords:*** *Language, Language Education, Civilization, Islamization of Knowledge, Human Development.*

## **PENDAHULUAN**

Tamadun sesuatu umat terbina sesudah kebudayaan umat itu melalui tempoh tertentu, sesudah mengalami pelbagai tantangan atau cabaran serta peningkatan dalam dan luaran. Proses terbentuknya tamadun itu memerlukan wasilah tertentu, dan pendidikan dapat dikatakan wasilah yang terpenting untuk memungkinkan terbentuknya tamadun. Hal ini demikian kerana pendidikanlah yang membentukkan diri, peribadi dan sahsiah manusia, baik sebagai individu mahupun sebagai masyarakat. Diri, peribadi dan sahsiah yang utuh sahaja yang mungkin dapat menjadi agen dan mangkin pembentukan tamadun. Maka itu, makalah ini menyorot peranan pendidikan secara umum dalam proses pembentukan tamadun dan selanjutnya mengaitkannya dengan peranan bahasa dan pendidikan bahasa pula. Pemertalian itu dilakukan dengan berasaskan hakikat bahawa bahasa menjadi unsur penting yang memungkinkan berlakunya proses pendidikan dan juga sebagai salah satu asas penting dalam proses pembinaan tamadun insan. Dalam konteks pembentukan masyarakat hadhari pula, peranan bahasa dapat dilihat dalam konteks satu daripada 10 tonggak gagasan Islam Hadhari, iaitu keutuhan budaya.

## **PENDIDIKAN SEBAGAI ASAS TAMADUN**

Pendidikan merupakan proses kehidupan manusia yang sama tuanya dengan kewujudan manusia itu sendiri. Dengan kata-kata lain, pendidikan wujud bersama-sama dengan wujudnya manusia itu sendiri, baik manusia sebagai individu mahupun manusia sebagai masyarakat. Oleh itu konsep pendidikan tidak berkaitan dengan kehidupan makhluk haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan benda. Hal ini sesuai pula dengan peranan dan tanggungjawab manusia melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah, iaitu sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain, hanya manusia sahaja yang mampu meneroka kemajuan. Kemampuan manusia meneroka kemajuan itu-lah yang memungkinkan munculnya konsep kebudayaan dan tamadun. Konsep kebudayaan bertitik tolak daripada kata *budi* yang merujuk kepada akal (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005), iaitu asas segala aktiviti manusia yang secara kreatif dan inovatif menghasilkan kebudayaan. Tamadun pula merupakan puncak kecemerlangan sesuatu kebudayaan yang muncul sebagai hasil kreativiti terbaik sesuatu masyarakat atau bangsa. Jelas bahawa kebudayaan dan tamadun merupakan

konsep yang hanya relevan dengan kehidupan manusia, tidak dengan kehidupan makhluk-makhluk lain. Apakah yang memungkinkan manusia mampu membentuk kebudayaan dan tamadun? Proses pendidikanlah yang memungkinkan hal itu berlaku, kerana pendidikan ialah sesuatu yang secara progresif dan terus-menerus diserapkan ke dalam diri manusia (al-Attas 1991). Keterangan ini memperkuat hakikat bahawa pendidikan hanya berkaitan dengan kehidupan manusia, tidak dengan kehidupan makhluk-makhluk lain.

Pendidikan berlaku pada dua peringkat, iaitu peringkat masyarakat dan peringkat individu (Hasan Langgulung 1991). Pada peringkat masyarakat, pendidikan merupakan proses pewarisan kebudayaan generasi tua kepada generasi muda secara terus-menerus agar kelangsungan hidup masyarakat dapat berlaku. Unsur-unsur kebudayaan yang diwariskan itu meliputi pemikiran, politik, ekonomi, kesenian, adat istiadat, dan yang lain, tidak ketinggalan bahasa. Setiap unsur kebudayaan itu disalut nilai-nilai yang tertentu yang secara keseluruhannya membentuk imej dan identiti sesuatu masyarakat atau bangsa yang tertentu. Pada hakikatnya, pewarisan nilai-nilai yang menayangkan pandangan hidup atau *weltanschauung* bangsa inilah yang menjadi bahagian penting dalam proses pendidikan, selain pewarisan unsur-unsur kebudayaan itu untuk memenuhi keperluan hidup, khususnya yang berkaitan dengan ilmu dan ketrampilan tertentu.

Dalam pada itu, sesuai dengan hakikat manusia sebagai peneroka kemajuan, sebagaimana yang diungkapkan oleh Ibn Khaldun, maka pendidikan tidak ketinggalan menyerapkan nilai-nilai dan penemuan-penemuan baharu kepada masyarakat. Proses penyerapan nilai dan penemuan baharu inilah yang memungkinkan masyarakat manusia dinamis dan terus maju, selama nilai dan penemuan baharu itu tidak bertentangan dengan nilai teras masyarakat (dalam konteks masyarakat Islam, nilai teras itu adalah nilai keagamaan).

Pada peringkat individu pula, pendidikan merupakan proses pengembangan potensi-potensi yang ada pada diri manusia sehingga potensi-potensi itu dapat menimbulkan keupayaan-keupayaan tertentu bagi memungkinkan manusia menjalani kehidupan secara normal dan seimbang. Potensi-potensi itu meliputi aspek akal, emosi, rohani, dan jasmani. Pengembangan potensi-potensi secara seimbang ini penting untuk memenuhi hakikat diri manusia yang terdiri daripada diri yang zahir dan diri yang batin.

Sehubungan dengan proses pengembangan potensi individu ini, dapat dikenal pasti berbagai-bagai ragam potensi yang ada pada manusia untuk kemudian dikembangkan melalui proses pendidikan, baik secara formal mahupun secara tak formal. Dengan mengambil potensi akal atau intelek sahaja, menurut *Guilford* (1956) dalam Hasan Langgulung (1991), ada 120 jenis potensi akal pada manusia. Antaranya termasuklah potensi berbahasa, mengira, mengingat, berfikir, dan mencipta.

Pada peringkat yang lebih asas daripada pengembangan potensi itu, pendidikan pada peringkat individu ialah penyerapan adab, dengan pengertian

“pengenalan dan pengakuan tentang letak sesuatu menurut susunan yang akhirnya membawa manusia kepada pengenalan dan pengakuan tentang kedudukan hakiki Tuhan dalam susunan kejadian dan kewujudan” (al-Attas 1991). Wujudnya individu-individu dalam masyarakat yang telah melalui proses penyerapan adab inilah yang memungkinkan terasasnya peradaban, iaitu istilah lain bagi tamadun, yang mencerminkan pencapaian kehidupan cemerlang sesuatu masyarakat. Dalam konteks ini, dapat dilihat pertalian antara pendidikan dengan pembinaan tamadun manusia. Dalam proses penyerapan pelbagai jenis ilmu ke dalam diri, iaitu salah satu bentuk proses pendidikan, konsep adab berkaitan rapat dengan maratib ilmu atau hierarki ilmu. Dalam Islam, adab meletakkan ilmu-ilmu yang bersumberkan wahyu (*the revealed knowledge*) sebagai ilmu-ilmu primer, sementara ilmu-ilmu sains atau ilmu-ilmu yang dicari (*the acquired knowledge*) sebagai ilmu-ilmu sekunder.

Oleh itu, dalam proses pendidikan menurut kaca mata Islam, manusia perlu mendalami ilmu-ilmu yang bersumberkan wahyu sebagai teras (*fardu ain*) dan menguasai ilmu-ilmu sains sebagai *fardu kifayah*. Ilmu-ilmu sains itu pula haruslah serasi dengan kerangka yang digariskan oleh ilmu-ilmu yang bersumberkan wahyu itu, dengan penegasan asasnya ialah bahawa setiap ilmu mestilah berpaksikan tauhid atau memenuhi paradigma tauhid (*tawhidic paradigm*).

## **BAHASA DAN PENDIDIKAN BAHASA DALAM KONTEKS PEMBINAAN TAMADUN**

Pendidikan muncul serentak dengan wujudnya manusia. Telah disebut juga bahawa proses pendidikan pada masyarakat merupakan proses pewarisan kebudayaan daripada satu generasi kepada satu generasi. Pada peringkat individu pula, pendidikan bererti pengembangan potensi-potensi yang ada pada diri seseorang. Ketiga-tiga hal itu berkaitan secara langsung dengan soal pertalian antara bahasa dan pendidikan bahasa yang menjadi fokus kajian ini dengan pendidikan umum.

Pertama, hakikat bahawa pendidikan bermula bersama-sama dengan wujudnya manusia berkaitan dengan hakikat bahawa bahasa merupakan unsur yang dimiliki manusia sejak munculnya manusia pertama di dunia, iaitu Nabi Adam a.s. Ulama Islam dari zaman ke zaman mengistilahkan manusia sebagai *hayawan natiq (rational animal)*, dengan kata *natiq* itu, selain merujuk kepada akal, sebenarnya turut merujuk juga kepada pertuturan atau bahasa (al-Attas 1991). Jadi haiwan natiq atau haiwan rasional itu ialah makhluk yang kewujudannya ditandai oleh adanya akal dan adanya ciri atau kemampuan “berbahasa”.

Menurut ajaran Islam, Nabi Adam a.s sebagai manusia pertama yang diciptakan Allah s.w.t telah diberi ilmu bahasa oleh Allah dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian alam. Menurut kupasan al-Attas (1992) pula, nama-nama yang diajarkan Allah itu merujuk kepada ilmu tentang segala sesuatu (*al-‘ilm al-ashya’*):

*“Dan Dia (Allah) telah mengajar Nabi Adam tentang nama segala benda dan gunanya.”*

(al-Baqarah 2: 31)

Berkaitan dengan perihal Nabi Adam a.s sebagai manusia pertama itu telah dikurniakan keupayaan berbahasa, dapat pula diperlihatkan pertalian yang kedua antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum, iaitu bahawa pendidikan berlaku melalui bahasa sebagai wahananya. Pendidikan yang diberikan dalam bentuk pengurniaan ilmu tentang nama seluruh kejadian alam (termasuklah segala sifat, kualiti dan gunanya) jelas menggambarkan peri pentingnya dwiperanan bahasa, iaitu bahasa sebagai suatu cabang ilmu dan juga bahasa sebagai wahana penyerapan ilmu ke dalam diri manusia.

Ini adalah dua perspektif pendidikan bahasa yang cukup penting dan relevan untuk sepanjang zaman. Yang pertama, bahasa sebagai suatu cabang ilmu perlu dipelajari sebagaimana sains perlu dipelajari untuk mengenal binaan dan strukturnya serta fungsinya dalam kehidupan manusia, dalam rangka mengenal dan mengakui kebesaran Allah sebagai pencipta segala sesuatu. Yang kedua, bahasa sebagai wahana penyerapan atau penyampaian ilmu menjadi alat terpenting dalam proses pendidikan keseluruhannya. Dengan menggunakan istilah dalam pendidikan moden mutakhir, bahasa sebagai wahana ilmu (sebagaimana yang dikemukakan oleh Bullock (1976); Marland (1977); Greenwood (1985); Halliday (1985) dan Tickoo (1986) itu disebut “bahasa merentas kurikulum” (*language across the curriculum*) (lihat Awang Sariyan 1997 dan 2007)).

Dalam firman yang lain, Allah s.w.t menjelaskan pendidikan bahasa yang diberikan-Nya kepada manusia keseluruhannya. Terjemahan firman itu berbunyi:

*“Tuhan yang amat pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajarkan al-Qur’an. Dialah yang menciptakan manusia. Dialah yang telah memungkinkan manusia pandai berbicara.”*

(al-Rahman 55: 1 - 4)

Bahkan wahyu pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w, Rasul terakhir secara khusus memberikan isyarat yang jelas tentang pentingnya pendidikan bahasa pada manusia. Firman Allah s.w.t dalam terjemahannya berbunyi:

*“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (manusia). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang paling pemurah, yang mengajar*

*manusia dengan perantaraan qalam (yang berkaitan dengan kemahiran menulis dan membaca). Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya.”*

(al-‘Alaq 96: 1 - 5)

Dalam ayat tersebut, dengan jelas ditekankan oleh Allah s.w.t pentingnya membaca sebagai salah satu kemahiran berbahasa dan bagaimana Allah mengajar manusia dengan menggunakan pena (kalam) sebagai wahananya, yang dengan jelas merujuk kepada kemahiran bahasa dalam bidang tulis baca.

Pengurniaan bahasa oleh Allah s.w.t kepada manusia itulah yang memungkinkan berlakunya pendidikan pada peringkat masyarakat, iaitu pewarisan kebudayaan daripada generasi kepada generasi. Tanpa bahasa, tidak akan wujud konsep-konsep yang mendukung pengertian setiap unsur kebudayaan. Tanpa bahasa juga tidak mungkin berlaku komunikasi yang dapat bertahan lama untuk mewujudkan keadaan saling faham antara anggota masyarakat dalam zaman yang berlainan. Sebaliknya, melalui bahasa yang mapan sistemnya dari zaman ke zaman, dapatlah berlaku proses pewarisan kebudayaan itu.

Peranan bahasa sebagai wahana pendidikan dapat juga kita fahami dengan menginsafi bahawa pendidikan yang disampaikan oleh Allah s.w.t kepada para rasul adalah melalui bahasa sebagai wadahnya. Bahkan mu‘jizat terbesar yang diberikan Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w ialah bahasa, iaitu al-Qur’an yang menampung segala wahyu Allah, dengan pengertian bahawa wahyu itu ialah kandungan bagi proses pendidikan, sementara bahasa ialah wahananya.

Hakikat bahasa sebagai wahana ilmu dan pendidikan ini dengan jelas diterapkan oleh Imam al-Ghazali, mujtahid yang hidup dari pertengahan abad ke-11 hingga awal abad ke-12 Masihi, dalam skema hierarki ilmu atau pengelasan ilmu yang terpuji, iaitu ilmu yang direndah dan dituntut oleh agama Islam sebagai lawan ilmu yang tercela (al-Ghazali 1980). Beliau membahagi ilmu itu kepada empat kategori, iaitu ilmu yang bertaraf pokok, cabang, mukadimah, dan pelengkap. Ilmu pokok terdiri daripada empat sumber, iaitu kitab Allah, Sunnah Rasul, ijmak ulama’, dan warisan para sahabat. Ilmu cabang pula terdiri daripada ilmu-ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi (khususnya ilmu akhlak). Ilmu mukadimah atau ilmu asas ialah ilmu yang merupakan alat untuk mengetahui isi kitab Allah dan sunnah Rasul. Ilmu alat itu terdiri daripada ilmu bahasa dan tatabahasa yang, walaupun tidak termasuk dalam ilmu syaria, perlu dipelajari untuk keperluan agama, kerana semua agama lahir melalui bahasa (al-Ghazali 1980). Yang keempat, iaitu ilmu pelengkap ialah ilmu tentang al-Qur’an (tajwid, qiraah atau pembacaan, tafsir, hukum, usul fiqh) dan ilmu penyempurna tentang sunnah Nabi seperti perawi-perawi hadith. (Tentang pengelasan ilmu menurut al-Ghazali ini, lihat juga Zawawi Hj. Ahmad 1988; Yaacob Yusoff 1991; Osman Bakar 1992).

Skema hierarki ilmu menurut rumusan al-Ghazali itu dengan jelas me-

letakkan ilmu bahasa dan tatabahasa serta pelbagai cabang ilmu linguistik sebagai ilmu asas atau ilmu bantu yang cukup penting untuk maksud pemerolehan dan penyebaran ilmu keseluruhannya. Hal ini dengan jelas pula memperlihatkan pertalian yang erat antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum, khususnya dalam konteks fungsi bahasa sebagai wahana pemerolehan dan penyebaran ilmu, atau dengan kata lain “bahasa merentas kurikulum”.

Selanjutnya, yang ketiga ialah pertalian antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum, dilihat daripada segi pendidikan pada peringkat individu. Sebagaimana yang diketahui, pendidikan pada peringkat individu berlaku dalam bentuk pengembangan potensi-potensi yang ada pada diri manusia. Telah disebut juga bahawa salah satu potensi yang ada pada diri manusia ialah potensi intelek (akal). Salah satu cabang potensi intelek itu pula ialah potensi berbahasa. Sehubungan dengan itu, pendidikan bahasa berperanan mengembangkan potensi berbahasa tersebut agar individu itu dapat menjalani kehidupan sebagai manusia yang mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi, dengan berasaskan konsep bahasa sebagai tunjang kebudayaan dan tamadun seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Pertalian antara pendidikan bahasa dengan pendidikan umum pada peringkat individu dapat juga dijelaskan dengan meninjau hubungan antara bahasa dengan diri, akal, dan ilmu. Diri manusia, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur’an, Surah al-Hijr, ayat 26 - 29 dan Surah al-Mu’minun, ayat 12 - 14 terdiri daripada dua bahagian, iaitu jasad dan ruh. Jasad dikenal sebagai diri yang zahir, sementara ruh dikenal sebagai diri yang batin, iaitu diri yang hakiki. Selain al-ruh, diri yang batin dalam al-Qur’an di sebut juga *al-qalb*, *al-nafs*, dan *al-’aql* (kalbu, jiwa, dan akal) (al-Attas 1991). Bahasa merupakan bahagian atau fakulti ilmu yang terletak dalam akal dengan pengertian bahawa bahasa pada asasnya ialah satu fitrah atau *innate* yang sedia ternurani dalam akal apabila manusia lahir ke dunia (Hashim Musa 1980, 1991). Teori kenurani bahasa ini dibincangkan juga oleh ahli-ahli falsafah Barat dari zaman Plato, lima abad sebelum Masihi hingga ke zaman ahli-ahli falsafah rasionalis Barat abad ke-17 dan ke-18 seperti Descartes, Kant, dan Cudworth, dan kemudian diperdalam oleh ahli-ahli bahasa abad ke-20 seperti Chomsky, Katz, dan Fodor (Hashim Musa 1991).

Sebagai salah satu fakulti ilmu dalam akal, bahasa berfungsi sebagai wahana penerimaan ilmu pada diri manusia. Hal ini digambarkan oleh fenomena komunikasi antara Tuhan dengan manusia di alam arwah sebelum manusia lahir ke dunia, iaitu komunikasi terpenting yang berkaitan dengan pengisytiharan janji setia makhluk kepada Khaliqnya tentang ketuhanan Allah. Fenomena tersebut digambarkan Allah dengan firman yang terjemahannya berbunyi:

*“Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka, dan Aku (Tuhan) mengambil*

*kesaksian daripada mereka: Bukankah Aku Tuhanmu? Mereka (keturunan anak-anak Adam) menjawab: Benar, bahkan kami bersaksi. Dengan demikian kamu tidak akan berkata pada hari kiamat kelak: Sesungguhnya kami tidak diberi peringatan tentang hakikat tauhid ini.”*

(al-A'raf 7: 172)

Komunikasi antara Khaliq dengan manusia di atas itu ditafsirkan oleh para ulama sebagai titik tolak penerimaan ilmu oleh manusia daripada Allah melalui perantaraan bahasa, khususnya ilmu tentang hakikat Allah dan hakikat diri manusia itu sendiri. Hal ini sesuai dengan hadith Rasulullah s.a.w yang berbunyi: “Permulaan agama ialah mengenal Allah” dan pepatah ahli-ahli tasawuf yang berbunyi: “Barangsiapa yang mengenal dirinya, maka kenallah ia akan Tuhan-nya” (Kupasan yang mendalam tentang pentingnya ayat 172 Surah al-A'raf ini dapat dibaca dalam al-Attas 1977, 1978, 1991, 1995). Selain itu, fenomena tersebut membuktikan bahawa manusia telah sedia dikurniai ilmu yang berkaitan dengan keupayaan berbahasa dalam alam arwah lagi. Hal ini erat kaitannya dengan Hipotesis Kenurunan Bahasa yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik rasionalis-mentalis seperti Plato, Descartes, Kant, Cudworth, Chomsky, Fodor, dan Katz sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini (lihat juga Awang Sariyan 1997, 2007).

Kesimpulan penting daripada perbincangan tentang hubungan antara bahasa, akal, diri, dan ilmu ialah bahawa bahasa menjadi alat akal untuk memanipulasikan ilmu dalam rangka pembinaan dan pengembangan konsep diri insan sebagai khalifah Allah di muka bumi yang diberi amanah mengurus pelbagai aspek kehidupan di dunia.

## **FALSAFAH PENDIDIKAN BAHASA DALAM RANGKA PENGISLAMAN ILMU**

Peri pentingnya bahasa dan pendidikan dalam pembentukan tamadun Melayu, yang pada hakikatnya bertunjangkan Islam, berkaitan secara langsung dengan gagasan pengislaman ilmu. Sebagai latar belakang timbulnya gagasan pengislaman ilmu, kajian ini berlandas pada analisis yang dihasilkan oleh pelopor gagasan tersebut, iaitu Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (al-Attas 1978).

Menurut beliau, daripada sekian banyak kekeliruan manusia pada sepanjang zaman, tidak ada yang lebih serius dan mengakibatkan kehancuran daripada cabaran masa kini yang ditimbulkan oleh kebudayaan Barat. Dan cabaran terbesar yang timbul pada zaman ini ialah cabaran ilmu (*the challenge of knowledge*) yang diasaskan dan disebar di seluruh dunia, termasuk di dunia Islam, oleh



kebudayaan Barat. Al-Attas merumuskan ciri-ciri ilmu daripada kebudayaan Barat itu sebagai yang berikut:

1. Ilmu tersebut menimbulkan masalah besar kerana telah kehilangan tujuannya yang benar dan oleh itu membawa kekacauan dalam kehidupan manusia, di balik membawa keamanan dan keadilan.
2. Ilmu itu seolah-olah benar tetapi pada hakikatnya merupakan hasil kekeliruan dan keraguan, sehingga ciri keraguan dan dugaan diletakkan ke tahap saintifik dalam metodologi ilmu dan keraguan di anggap sebagai alat epistemologi yang sah untuk memperoleh kebenaran.
3. Ilmu itu, untuk kali pertama dalam sejarah, membawa kekacauan kepada tiga komponen alam tabii, iaitu haiwan, tumbuh-tumbuhan dan galian.

Ilmu daripada kebudayaan Barat itu pada hakikatnya lebih merupakan hasil penafsiran sarjana-sarjana Barat berasaskan tiga aspek penting kebudayaan, iaitu pandangan hidup (*worldview*), wawasan akal (*intellectual vision*), dan persepsi psikologi (*psychological perception*) mereka. Oleh itu, yang dikatakan ilmu daripada kebudayaan Barat itu ialah ilmu yang dirangka dan disebarikan dengan berasaskan sifat dan keperibadian kebudayaan Barat.

Apakah sifat dan dan keperibadian serta inti sari dan jiwa kebudayaan Barat yang menghasilkan tafsiran tentang ilmu yang menimbulkan kekacauan itu? Al-Attas (1978) menakrifkan kebudayaan Barat sebagai:

*“... the civilization that has evolved out of the historical fusion of cultures, philosophies, values and aspiration of ancient Greece and Rome: their amalgamation with Judaism and Christianity, and their further development and formation by the Latin Germanic, Celtic, and Nordic peoples.”*

Daripada Yunani purba, kebudayaan Barat memperoleh unsur-unsur falsafah dan epistemolgi serta asas pendidikan, etika, dan estetika. Daripada Rumawi, kebudayaan Barat mengambil unsur-unsur perundang-undangan, ketatanegaraan, dan pemerintahan. Daripada Yahudi dan Kristian, diserapkan pula unsur-unsur kepercayaan dan keagamaan. Daripada orang Latin, Germanic, Celtic dan Nordic, diterima semangat kemerdekaan dan semangat kebangsaan, nilai-nilai tradisi, serta kemajuan sains dan teknologi. Islam sebenarnya banyak memberikan sumbangan yang penting kepada kebudayaan Barat dalam proses penyerapan semangat rasional dan saintifik tetapi semangat rasional dan saintifik itu telah

diubahsuaikan menurut pandangan hidup, wawasan akal, dan persepsi psikologi yang sedia sarat dengan unsur-unsur warisan daripada Yunani, Rumawi, Yahudi, Kristian, dan budaya setempat di Eropah.

Ciri yang nyata dan dominan dalam pandangan hidup dan sistem nilai kebudayaan Barat sebagai akibat daripada penyerapan dan penggabungan pelbagai unsur itu ialah dualisme. Dualisme merujuk kepada pemisahan atau pengasingan dua unsur yang pada hakikatnya bersepadu dan saling melengkapi, misalnya pemisahan antara aspek kerohanian (*spiritual*) daripada aspek sekular, tabii (*natural*) daripada luar tabii (*supernatural*), negara (*state*) daripada gereja (*church*), atau politik daripada agama (Ghazali Basri 1990). Dalam bidang pendidikan, dualisme atau pemisahan ini berlaku dengan adanya dikotomi antara ilmu yang ditanzilkan atau diwahyukan (*the revealed knowledge*) dengan ilmu yang dicari atau diperoleh (*the acquired knowledge*); antara agama dengan sains; antara empirisisme dengan rasionalisme; antara objektiviti dengan subjektiviti; dan antara wahyu dengan akal.

Dalam rangka membina dan menyatukan semula konsep-konsep dan unsur yang saling berkaitan dan saling melengkapi itulah gagasan pengislaman ilmu ditimbulkan, kerana Islam sendiri terdiri daripada jaringan unsur-unsur yang saling berkaitan seperti antara dunia dengan akhirat, antara agama dengan sains, antara rohani dengan jasmani, antara ilmu dengan amal, dan antara yang objektif dengan yang subjektif. Oleh sebab kekacauan dalam bidang ilmu merupakan kesan langsung atau hasil daripada kebudayaan Barat, maka pengislaman ilmu dapat juga diertikan sebagai usaha penyirnaan faham-faham Barat dalam bidang ilmu atau *the dewesternization of knowledge*, menurut istilah al-Attas (1978). Penyirnaan faham-faham Barat itu selari dengan penegasan beliau al-Attas (1977, 1978) tentang perlunya diambil langkah penapisan dan perumusan semula ilmu, dengan mengasingkan unsur-unsur yang merupakan konsep-konsep pokok kebudayaan Barat. Ilmu yang telah dibersihkan daripada unsur-unsur negatif melalui proses pengasingan itu perlu pula diisi dan diberi jiwa yang berasaskan unsur-unsur dan konsep-konsep teras Islam (Lihat juga Siddiq Fadil 1990).

Berkaitan dengan usaha ini, al-Faruqi (1991) menegaskan perlunya dan pentingnya bidang pemikiran, kemanusiaan, sains kemasyarakatan dan sains tabii dikaji dan dibina semula. Caranya ialah dengan memberikan dasar Islam dan matlamat-matlamat baru yang selaras dengan Islam. Setiap disiplin ilmu mestilah disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif, serta aspirasinya.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa gagasan pengislaman ilmu merupakan reaksi sarjana-sarjana Islam terhadap serangan dan penjajahan kuasa-kuasa bukan Islam ke atas orang Islam, khususnya penjajahan pemikiran atau penjajahan intelek yang mengakibatkan kekacauan dalam aspek-aspek lain kehidupan umat Islam (politik, ekonomi, kebudayaan, bahasa, dan pendidikan). Pada masa yang sama, umat Islam berada di ambang kelesuan dalam pemikiran

dan keterbelakangan dalam bidang-bidang progresif kebudayaan (ekonomi, sains, dan teknologi) sehingga kelemahan tersebut dijadikan asas terbaik oleh penjajah untuk melaksanakan misi penjajahan pemikiran mereka.

Kemenangan kuasa-kuasa Barat dalam Perang Dunia Pertama telah menyebabkan berlakunya penguasaan tentera mereka di negara-negara Islam. Langkah selanjutnya sesudah penguasaan ketenteraan itu ialah pelaksanaan dasar-dasar yang terancang kemas dalam bentuk peleraian pemikiran umat secara total melalui dasar bahasa, kebudayaan, pentadbiran, perundang-undangan, dan yang terpenting ialah pendidikan. Melalui dasar dan sistem pendidikan yang direncanakan dengan berasaskan pandangan hidup dan sistem nilai kebudayaan Barat itu, mereka berhasil melaksanakan pemisahan unsur-unsur yang menjadi tonggak kesatuan konsep-konsep pokok kehidupan menurut cara gaya Islam, seperti pendidikan akademik lawan pendidikan agama, sehingga terlaksanalah konsep dualisme dalam sistem pendidikan umat Islam. Tentang keberkesanan bidang pendidikan sebagai agen penjajahan pemikiran, pakar pendakwah dan strategis Belanda di Indonesia, iaitu Snouck Hurgronje (1857-1936) pernah berkata, “Pendidikan dan pengajaran sanggup membebaskan kaum Muslimin dari agamanya” (Hasheem 1988).

Usaha yang tidak akan ada hujungnya dalam pelaksanaan misi penjajahan pemikiran dan kebudayaan ke atas umat Islam ini telah dikhabarkan awal-awal lagi oleh Allah s.w.t dalam firman-Nya yang terjemahannya berbunyi:

*“Tidak akan pernah puas hati orang Yahudi dan orang Nasrani terhadap kamu (orang Islam), sehingga kamu mengikut cara hidup mereka....”*

(al-Baqarah 2: 120)

Usaha untuk memerdekakan pemikiran, ilmu, dan pendidikan daripada asas-asas kebudayaan Barat tampak giat dan menjadi agenda penting dalam abad ke-20 Masihi. Usaha itu dapat dilihat pada dua peringkat, iaitu individu dan institusi. Kemunculan sarjana-sarjana Islam yang peka akan kekacauan ilmu yang berakibat daripada proses pembaratan telah menjadi daya gerak yang cukup kuat untuk kemudian melibatkan usaha dan langkah di peringkat institusi pula. Sarjana seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, Seyyed Hossein Nasr, dan Ismail al-Faruqi telah meletakkan asas yang jitu tentang gagasan dan pelaksanaan program pengislaman ilmu.

Syed Muhammad Naquib al-Attas telah mencetuskan gagasan pengislaman ilmu sejak tahun 1970 melalui perencanaan ilmiah pengajian bahasa, kesusasteraan, dan kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam mukadimah yang berjudul “Konsep Baru mengenai Rencana serta Chara-Gaya Penelitian Ilmiah Pengkajian Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu

di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia” (Lihat Buku Panduan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia 1972), al-Attas menyarankan metodologi baru untuk penelitian bahasa, kesusasteraan, dan kebudayaan Melayu, dengan menjadikan Islam sebagai asas penafsirannya. Inti sari rencana ilmiah beliau itu menegaskan pentingnya penelitian sesuatu bahasa dan kesusasteraan sesuatu bangsa itu lengkap meliputi bidang-bidang ilmiah lain seperti agama, falsafah, sejarah, kesenian, dan lain-lain lagi yang benar-benar dapat menyangkan inti sari sesuatu kebudayaan (al-Attas 1972a).

Sehingga saat rencana ilmiah bagi pengajian bahasa, kesusasteraan, dan kebudayaan Melayu itu diungkapkan, pengajian yang sedia ada “... hanya merupakan satu serpihan sahaja, satu bayangan kechil sahaja, dari pengkajian bahasa dan kesusasteraan serta tamaddun dan kebudayaan Jawa Kuno yang dijadikan para sarjana dan ahli sejarah orientalis sebagai contoh, sebagai ukuran, sebagai bandingan bagi pengkajian tamaddun serta kebudayaan Melayu” (al-Attas 1972a). Selain itu, beliau mempersoalkan peminggiran peranan Islam dalam membentuk sejarah dan kebudayaan Melayu oleh para orientalis, kerana bagi beliau, “... sifat dan hakikat tamaddun dan kebudayaan Melayu itu adalah sifat dan hakikat Islam, dan tiada dapat dipisahkan keduanya ini dalam pandangan ilmiah yang tulen” (al-Attas 1972a).

Teori dan pandangan ilmiah al-Attas tentang gagasan pengislaman ilmu, khususnya pengislaman ilmu sejarah dan kebudayaan Melayu (termasuk bahasa dan kesusasteraan) kemudian dinukilkan dalam Syarahan Pengukuhan beliau bersempena dengan pelantikan ke jawatan Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia pada 24 Januari 1972 (al-Attas 1972b). Sebagai hasil pengutaraan gagasan beliau, Universiti Kebangsaan Malaysia telah menerima dan meluluskan pembentukan Institut Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu yang bertujuan “... memberikan tempat yang sewajarnya kepada unsur-unsur Islam dalam kebudayaan Melayu dengan chara-gaya memperluaskan rancangan pengkajian unsur-unsur penting Islam itu di dalamnya...” supaya dengan demikian” .... barulah dunia luar pada umumnya dan dunia Islam khususnya, akan betul-betul memberikan perhatian kepada pengkajian serta penilaian bahasa, kesusasteraan, dan kebudayaan Melayu sebagai hasil dayachipta salah satu kebudayaan teragung di dunia” (al-Attas 1972a). Pembentukan institut tersebut termaktub dalam *Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975*, sebagai tanda iltizam terawal kerajaan dalam proses pengislaman ilmu di negara ini (Lihat juga Wan Mohd. Nor Wan Daud 1991).

Dalam perkembangan selanjutnya, al-Attas telah mendefinisikan konsep-konsep pokok pendidikan Islam dan merumuskan falsafah, matlamat, dan strategi pelaksanaan pendidikan Islam, dalam rangka pengislaman ilmu, seperti yang dikemukakannya dalam kertas kerja Persidangan Sedunia yang Pertama tentang Pendidikan Islam (31 Mac - 8 April 1977) di Makkah. Gagasan besar be-

liau yang kemudian beroperasi dalam bentuk pengislaman ilmu pada peringkat institusi ialah konsep dan struktur universiti Islam yang kemudian direalisasikan oleh kerajaan Malaysia dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1983. Dengan iltizam beliau yang berterusan dalam pengembangan gagasan pengislaman ilmu, kerajaan Malaysia telah meluluskan penubuhan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam atau *International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* yang diasaskan oleh beliau sendiri pada tahun 1987. Institut ini bergerak giat dalam penyelidikan dan pengajian peringkat pascasiswazah yang keseluruhannya mengisi gagasan pengislaman ilmu (Lihat Wan Mohd. Nor Wan Daud 1991).

Sarjana lain yang terlibat dalam usaha pengislaman ilmu ialah Seyyed Hossein Nasr yang banyak mengupas pengislaman ilmu daripada sudut sains tabii. Menurut beliau, meskipun sains Barat bukanlah seutuhnya hasil pemikiran Barat, bahkan merupakan sains Islam dan tamadun sebelumnya seperti tamadun Yunani, Alexandria, India, Iran, Mesopotamia, dan Mesir, namun dalam revolusi sains pada Zaman Kebangkitan (*Renaissance*), khususnya pada abad ke-17 Masihi, telah berlaku penerapan bentuk yang baharu dan asing kepada isi ilmu sains (Hossein Nasr 1976). Sains Barat yang berasas pada pemikiran antropomorfic zaman tersebut dan sekularisasi alam yang menjadi titik tolak *Renaissance* telah melahirkan sains yang bersifat sepihak (*unilateral*), iaitu yang membataskan perhatian hanya kepada satu peringkat kewujudan sahaja, peringkat alam nyata atau alam benda, serta menutup pintu kepada sebarang kewujudan yang lebih tinggi, iaitu alam metafizik.

Sains di tangan orang Barat telah mengakibatkan pemisahan jalinan antara ilmu-ilmu sebagai suatu kesatuan, pemisahan sains tabii daripada falsafah, dan pemisahan falsafah daripada agama. Sebagai akibatnya, berlakulah pemisahan manusia daripada ilmu tentang kewujudan yang menyeluruh (*the whole of reality*), dengan pengertian berlakunya pembatasan sumber ilmu kepada ilmu aqli yang berdasarkan akal dan penolakan ilmu naqli yang bersumberkan wahyu dan sunnah. Demikian pula, sains Barat menyebabkan berlakunya pemisahan antara pertimbangan (*contemplation*) dengan tindakan (*action*) sehingga antara sains dengan etika dan akhlak seakan-akan tidak ada hubungannya. Sebagai akibatnya, berlakulah pelbagai krisis yang menimbulkan kekacauan dan kemusnahan kepada manusia dan alam, seperti fenomena peperangan yang berasaskan senjata canggih ciptaan sains dan teknologi, pencemaran alam, pembangunan tak berimbang, dan sebagainya (Hossein Nasr 1976).

Dalam menghadapi fenomena sains yang telah terpisah daripada kewujudan yang menyeluruh inilah Seyyed Hossein Nasr menyarankan pentingnya tamadun Barat ditangani secara kreatif bagi menyediakan perlindungan kepada kelangsungan hidup budaya setempat dan bagi menyalakan sinar pembimbing kepada manusia (Lihat Siddiq Fadhil 1990).

Selanjutnya, sarjana yang patut disebut juga dalam perbincangan ini ialah

Ismail al-Faruqi. Beliau terlibat dalam pembentukan dan pimpinan Persatuan Ahli Sains Sosial di Amerika pada tahun 1972. Di bawah pimpinan beliau persatuan tersebut menganjurkan beberapa pertemuan dan seminar untuk membincangkan masalah-masalah umat, termasuk isu pengislaman ilmu. Pada tahun 1977 persatuan tersebut menaja persidangan antarabangsa selama dua minggu di Switzerland. Resolusi yang diputuskan ialah menyedarkan umat bahawa langkah pertama ke arah penyelesaian sejati masalah pemikiran Islam tidaklah lain daripada pengislaman ilmu, iaitu pemeriksaan kritis terhadap disiplin-disiplin moden menurut wawasan Islam dan pengolahan semula disiplin-disiplin tersebut sejajar dengan wawasan Islam. Persidangan itu memutuskan perlunya institusi antarabangsa tentang pemikiran Islam dibentuk untuk mencapai objektif tersebut. Maka pada tahun 1981 terbentuklah Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (*International Institute of Islamic Thought*) yang di kenal sebagai IIIT di bawah pimpinan Prof. Ismail al-Faruqi sebagai pengarahnya.

Dalam konteks pelaksanaan gagasan pengislaman ilmu di Malaysia, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1983 dan kemudian Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) menjadi detik yang terpenting. Falsafah universiti tersebut didasarkan pada perakuan-perakuan Persidangan Sedunia yang Pertama tentang Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977. Semangat dan pengertian falsafah universiti berasaskan kitab suci al-Qur'an, khususnya ayat 1 - 5 dalam surah al-'Alaq. Dengan demikian, ilmu dikembangkan dengan semangat Tauhid yang membawa manusia kepada pengenalan dan pengakuan akan hakikat Allah sebagai pencipta dan pemilik mutlak manusia. Semangat di balik pengenalan dan pengakuan ini menggambarkan kemuncak dalam hierarki ilmu. Semua disiplin ilmu mestilah mengarah kepada kebenaran ini. Hal ini demikian kerana ilmu ialah satu bentuk amanah daripada Allah kepada manusia, dan oleh itu manusia mesti memanfaatkan ilmu menurut kehendak Allah dalam rangka memenuhi tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi. Sehubungan dengan ini, pencarian ilmu dianggap sebagai satu bentuk ibadah. (Lihat Universiti Islam Antarabangsa, Prospectus 1989/90)

Objektif universiti, sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan universiti, dengan jelas menayangkan usaha merealisasikan gagasan pengislaman ilmu, iaitu (Universiti Islam Antarabangsa, Prospectus 1989/90):

- a. Untuk membentuk semula keagungan Islam dalam semua bidang ilmu, selaras dengan tradisi Islam dalam hal pencarian ilmu dan kebenaran, sebagaimana yang ditunjukkan oleh karya-karya perintis sarjana dan pemikir Islam silam sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi.
- b. Untuk menggiatkan pelaksanaan konsep Islam tentang pembelajaran yang memberikan perhatian kepada kajian saintifik sebagaimana yang diilhamkan oleh ajaran al-Qur'an.

- c. Untuk menyebarkan ilmu dengan semangat tauhid dan penyerahan kepada Allah bagi melahirkan profesional yang beriltizam kepada ajaran Islam dan sedar akan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah dan wakil-Nya di muka bumi.
- d. Untuk memperluas pilihan kepada umat Islam di pendidikan tinggi mencapai kecemerlangan dalam semua bentuk pencapaian akademik.

Berkaitan dengan ciri-ciri khususnya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mengungkapkan bahawa universiti ini bersifat antarabangsa dan Islam dengan perincian sebagai yang berikut (Universiti Islam Antarabangsa, Prospectus 1989/90):

- a. Kandungan dan pendekatan ilmu yang berasaskan Islam diserapkan dan diintegrasikan dalam kurikulum universiti.
- b. Kursus Tamadun Islam, Cara Hidup Islam, Sistem Nilai Islam, Konsep Tuhan menurut Islam, dan Kedudukan Manusia dalam Alam Semesta menjadi komponen asas bagi semua program akademik dan wajib diikuti oleh semua pelajar.
- c. Falsafah ilmu dan pendidikan menurut perspektif Islam menjadi asas semua program akademik universiti.

Di peringkat persekolahan pula, gagasan pengislaman ilmu diterapkan melalui gagasan Reformasi Pendidikan dan pelaksanaan program pendidikan bersepadu yang berasas pada Falsafah Pendidikan Negara (1988), iaitu (Awang Sariyan 1997):

“Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Gagasan Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum, Kesepaduan Ilmu, Bahasa Merentas Kurikulum, Pembinaan Insan, dan Budaya Ilmu merupakan beberapa

teras atau tonggak Reformasi Pendidikan dan pendidikan bersepadu yang mencerminkan gagasan pengislaman ilmu. Pelaksanaannya bermula di peringkat sekolah menengah pada tahun 1988 dengan berdasar pada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

## ISU DAN TANTANGAN

Dengan berlatarbelakangkan fenomena dan masalah yang berpusat pada tiga aspek di atas, iaitu pendidikan dan pendidikan bahasa sebagai asas kehidupan dan tamadun manusia, pendidikan bahasa dalam rangka pendidikan umum, dan falsafah pendidikan bahasa dalam rangka pengislaman ilmu, dapat diinsafi masih adanya masalah konseptual yang berkaitan dengan perumusan falsafah bahasa dan pendidikan bahasa.

Meskipun falsafah bahasa diketahui telah berakar dari awal tumbuhnya disiplin falsafah itu sendiri, iaitu enam abad sebelum Masihi, namun pembicaraannya sehingga zaman linguistik moden ternyata berasas pada pemikiran dan pandangan hidup Barat, dengan sedikit sekali menampilkan perspektif pemikiran dan pandangan hidup Islam. Hal ini telah menyebabkan persoalan hakikat bahasa yang menjadi titik tumpuan kajian falsafah bahasa masih belum memperoleh penguraian yang muktamad, kerana sifat kebudayaan Barat yang senantiasa terbuka kepada perubahan dan senantiasa pula dalam pencarian.

Demikian kuatnya pengaruh falsafah Barat, termasuk dalam bidang falsafah bahasa, dunia Islam telah turut terikat oleh teori-teori dan epistemologi yang berasaskan kerangka falsafah Barat. Bidang bahasa dan pendidikan bahasa tidak terkecuali, sehingga konsep-konsep yang berkaitan dengan hakikat bahasa dan amalan pendidikan bahasa membawa cara gaya dan acuan pemikiran serta pandangan hidup Barat.

Masalah tersebut berkaitan rapat dengan proses sekularisasi yang berasas pada fahaman pemisahan dunia daripada akhirat dan masa kini daripada masa kemudian (Hari Akhirat), yang dicetuskan oleh para ilmuwan Barat sebagai usaha membebaskan ilmu daripada kuasa gereja. Untuk membebaskan ilmu (ilmu menurut perspektif Islam) daripada sekularisme dan kerangka falsafah Barat, telah bermula usaha yang diistilahkan oleh al-Attas (1978) sebagai “dewesternisasi ilmu” atau kini disebut umum sebagai “pengislaman ilmu”.

Dalam konteks Malaysia, kerajaan, melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, telah menggubal Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1988 sebagai salah satu langkah awal melaksanakan Reformasi Pendidikan yang inti sarinya berkaitan dengan usaha pengembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dengan berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Selanjutnya ditekankan tujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri



serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Falsafah Pendidikan Negara menjadi teras dan tunjang kepada sistem pendidikan kebangsaan supaya semua program dan aktiviti pendidikan merupakan pancaran prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung dalam falsafah tersebut. Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin (1993) Ketua Pengarah Pendidikan sewaktu Falsafah Pendidikan Negara digubal menegaskan pernyataan falsafah tersebut sebagai mercu tanda Reformasi Pendidikan dan juga sebagai pernyataan misi (*mission statement*) pendidikan negara.

Salah satu konsep “pengembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu” yang diungkapkan dalam Falsafah Pendidikan Negara ialah yang berkaitan dengan penyepaduan bahasa Melayu dalam semua mata pelajaran atau ilmu yang diajarkan, kecuali mata pelajaran bahasa lain (Lihat Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin 1993). Konsep kesepaduan ilmu dan kemahiran yang melibatkan bahasa Melayu ini dengan sendirinya merobah gagasan dan pendekatan dalam pendidikan bahasa Melayu di sekolah-sekolah khususnya. Dua strategi yang dilaksanakan untuk mengisi konsep kesepaduan yang berkaitan dengan bahasa Melayu ialah:

- a. melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, dengan berasaskan strategi 2P, iaitu penggabungjalinan dan penyerapan ilmu serta nilai murni;
- b. melalui mata-mata pelajaran lain, dengan berasaskan gagasan Bahasa Melayu Merentas Kurikulum.

Berkaitan dengan Falsafah Pendidikan Negara dan pelaksanaan pendidikan bersepadu yang menyentuh bahasa Melayu, ada dua aspek yang dapat dipertalikan dengan masalah yang dikaji. Pertama, keperluan terhadap suatu falsafah pendidikan bahasa (bahasa Melayu) yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan dapat mengisi usaha mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, daripada sudut bahasa. Kedua, aspek pelaksanaan atau amalan pendidikan bahasa Melayu yang semestinya memerlukan reformasi juga untuk mengisi falsafah tersebut.

## **KEPERLUAN AKAN FALSAFAH BAHASA DAN PENDIDIKAN BAHASA**

Sebagai lanjutan daripada perbincangan di atas, diperlukan upaya untuk:

- a. mencari asas-asas falsafah yang dapat menjadi landasan untuk merumuskan falsafah pendidikan bahasa bagi bahasa Melayu, dengan tasawur atau pandangan hidup Islam sebagai dasarnya.
- b. merumuskan pendekatan pendidikan bahasa Melayu yang sesuai dengan kerangka falsafah pendidikan bahasa menurut sudut pandangan Islam, dengan tidak pula menolak pendekatan yang sesuai daripada sumber Barat.
- c. meninjau kenyataan yang berlaku di sekolah untuk mendapat gambaran tentang pelaksanaan pendidikan bahasa Melayu menurut pendekatan bersepadu serta masalah-masalahnya.
- d. menyarankan strategi meningkatkan pelaksanaan falsafah pendidikan bahasa dalam konteks Reformasi Pendidikan Negara.

Pentingnya kajian tersebut dapat dilihat daripada beberapa sudut seperti yang berikut:

- a. Pembinaan suatu kerangka falsafah pendidikan bahasa bagi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu di negara-negara induk berbahasa Melayu dan dalam konteks yang lebih luas di beberapa banyagan di dunia merupakan keperluan yang mendesak, sesuai dengan peranan bahasa Melayu yang kian meningkat.
- b. Mengisi gerakan pengislaman ilmu merupakan jihad umat Islam di seluruh dunia bagi mengetengahkan epistemologi atau teori ilmu yang berpaksikan tauhid dan syariah dalam semua bidang, termasuk dalam bidang bahasa dan pendidikan bahasa.
- c. Kajian diharapkan dapat menerjemahkan gagasan-gagasan murni yang terungkap dalam Falsafah Pendidikan Negara, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan bersepadu, dengan pertimbangan khusus daripada sudut peranan bahasa Melayu dalam proses pengilmuan generasi muda. Falsafah murni, jika tidak diterjemahkan ke dalam kurikulum secara terperinci, perancangan yang teratur, kaedah latihan guru yang cukup baik, dan pengurusan sekolah yang berkesan, akan tinggal sebagai pernyataan falsafah sahaja. Oleh itu, kajian tentang pelaksanaan falsafah pendidikan

bahasa di sekolah-sekolah diharapkan dapat memberikan sumbangan sedikit banyaknya ke arah pemenuhan idealisme Falsafah Pendidikan Negara.

- d. Kajian diharapkan dapat juga membantu mengisi kekurangan kajian tentang beberapa aspek linguistik Melayu yang belum mendapat perhatian yang mendalam, termasuk bidang falsafah bahasa (yang berkaitan rapat dengan pendidikan bahasa), seperti yang disarankan oleh Nik Safiah Karim dalam Syarahan Perdana Penerimaan gelar Profesor Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1993).

Kajian dan analisis perlu dilakukan dengan bertitik tolak daripada asas-asas falsafah Barat dari zaman awal, iaitu abad ke-6 S.M. yang tumbuh di Yunani hingga perkembangannya dalam zaman moden kerana falsafah itulah yang telah mendominasi hampir seluruh aspek kehidupan manusia Barat sejak zaman berzaman dan sebahagiannya turut mempengaruhi dunia umat Islam juga. Analisis ini dilanjutkan dan diperkukuh dengan tumpuan khusus kepada perkembangan falsafah bahasa dalam tradisi Barat. Perlu diusahakan analisis tentang falsafah bahasa dan pendidikan bahasa menurut perspektif Islam, sebagai alternatif bagi falsafah bahasa dan pendidikan bahasa Barat yang telah mengakar sekian lama, termasuk di dunia Islam juga.

### **ISU PERANAN BAHASA DALAM PROSES PEMBINAAN NEGARA**

Bahasa dan budaya Melayu sejak lebih daripada satu alaf telah memiliki martabat sebagai bahasa dan tamadun besar. Sejak abad ke-7 Masihi, bahasa Melayu telah menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian agama dan lingua franca bagi rantau Kepulauan Melayu di bawah kerajaan Sriwijaya. Pada zaman Kesultanan Melayu dari sekitar abad 13 hingga abad 19, bahasa Melayu mencapai puncak kegemilangan sebagai bahasa tamadun Melayu baharu, dengan menjadi bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi (Awang Sariyan 2002a, 2002b).

Kebudayaan Melayu secara langsung pula telah menjelma menjadi kebudayaan yang definitif di rantau ini sehingga rantau ini dikenal sebagai Kepulauan Melayu atau Alam Melayu kendatipun pola demografi rantau ini pada hakikatnya menunjukkan kerencaman komposisi penghuninya. Jika berdasarkan hakikat wujudnya beratus-ratus bahasa yang dikelompokkan dalam keluarga bahasa Nusantara di rantau ini, ternyata bahawa bangsa Melayu sebagai satu kumpulan etnik hanya merupakan satu daripada ratusan kumpulan etnik tersebut. Namun kebitaraan tamadun Melayu, terutama disebabkan adanya kekuatan kuasa politik dan ekonomi telah memungkinkan identifikasi rantau ini dengan citra Melayu.

Kini digunakan juga istilah *dunia Melayu* untuk merujuk kepada rantau yang diwakili oleh Malaysia, Indonesia, Brunei dan beberapa wilayah negara serantau yang mewarisi tamadun Melayu, misalnya Thai selatan, Singapura, Filipina selatan, Kemboja, Vietnam, dan Myanmar.

Maka itu, tidaklah menghairankan apabila sarjana Belanda Francois Valentijn mengungkapkan kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 sebagai yang berikut (Nik Safiah Karim et al. 2004):

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan saja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di segala negeri-negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana saja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *Lingua Franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarunya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan saja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina.”

Kebitaraan bahasa Melayu pada abad 16 dan 17 dapat dirumuskan dengan kenyataan bahawa bahasa tersebut telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama besar dunia dan bahasa sastera (Collins 1999; Awang Sariyan 2000; Hassan Ahmad 2002).

### **Kelunturan Martabat Bahasa Melayu**

Martabat bahasa Melayu dilunturkan oleh penjajah (Belanda di Indonesia dan Inggeris di Malaysia) dengan menurunkan darjat bahasa itu daripada bahasa besar dan bahasa perhubungan luas menjadi bahasa setempat atau bahasa vernakular yang disempitkan fungsinya hanya sebagai bahasa perhubungan sehari-hari dan lebih untuk lingkungan masyarakat Melayu. Dalam zaman penjajahan Inggeris, bahasa Melayu disetarafkan dengan bahasa keturunan yang dibawa masuk oleh Inggeris untuk kepentingan ekonomi, iaitu keturunan Cina dan India dengan menjadikannya bahasa penghantar di sekolah vernakular Melayu, sama halnya dengan bahasa Cina di sekolah vernakular Cina dan bahasa Tamil di sekolah vernakular India. Inggeris benar-benar telah melaksanakan dasar pecah-belah dan perintahnya dan pada waktu yang sama telah membenamkan bahasa dan budaya Melayu ke lumpur pekat hingga sirna sinar bahasa bitara itu di negaranya sendiri. Sistem pentadbiran dan undang-undang yang pada zaman kesultanan Melayu didasarkan pada asas kemelayuan (dengan Islam sebagai tunjangnya) telah dirobah oleh Inggeris dengan menggunakan sistem sekularnya. Apabila kini

umat Melayu Islam di negara ini bertelagah tentang pelaksanaan undang-undang yang berdasarkan Islam, sebenarnya punca utamanya disebabkan kejayaan Inggeris memusnahkan asas keperibadian kebudayaan kita dengan dasar sekularnya.

Dalam bidang bahasa dan pendidikan, terang bahawa bahasa Melayu hanya menjadi bahasa penghantar sekolah Melayu yang terbatas pula jangkauan bidang ilmu dan kemahirannya. Hal ini bukan suatu kebetulan, sebaliknya direncanakan dengan cukup kemas oleh penjajah Inggeris, semata-mata untuk menutup kemungkinan anak watan dapat muncul sebagai bangsa berwibawa dan dengan demikian berupaya membebaskan negara daripada cengkaman penjajahan. Pendidikan Melayu yang asalnya untuk tempoh enam tahun pun dikurangkan menjadi empat tahun sahaja pada tahun 1885 (Awang Had Salleh 1980), sejajar dengan dasar penjajah yang tidak berhasrat mewujudkan anak watan berwibawa.

Jawatankuasa Barnes (1951) memperlihatkan perubahan pandangan sedikit tentang bahasa Melayu apabila mengakui pentingnya bahasa Melayu dalam membentuk sistem pendidikan yang bersifat kebangsaan, tetapi masih tetap mengutamakan pendidikan dalam bahasa Inggeris kerana bahasa Melayu tetap setakat menjadi bahasa penghantar di peringkat sekolah rendah sahaja. Usulnya agar sistem pendidikan hanya berlandaskan dua bahasa penghantar, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ditentang kuat oleh masyarakat Cina dan India.

Menjelang kemerdekaan, usaha memartabatkan semula bahasa Melayu telah diupayakan, khususnya oleh Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 yang menetapkan dasar pendidikan kebangsaan dengan berteraskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Usul Jawatankuasa tersebut (yang dikenal sebagai Penyata Razak) dan kemudian diperkuat oleh usul Jawatankuasa Penyejukan Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960 (yang dikenal sebagai Penyata Rahman Talib) telah dijadikan asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 yang selama 35 tahun menjadi asas sistem pendidikan kebangsaan sebelum diluluskan Akta Pendidikan 1996. Malah akta pendidikan yang baharu itu pun, khususnya dalam Seksyen 17, masih mempertahankan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama sistem pendidikan negara.

Kesediaan kerajaan pada waktu itu memenuhi tuntutan rakyat merupakan kebijaksanaan yang tepat untuk mempersiapkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berupaya menjadi wahana bidang-bidang utama tamadun bangsa dan negara, khususnya melalui perancangan korpus bahasa dalam bidang kosa kata (umum dan khusus), sistem ejaan, tatabahasa, sebutan dan laras bahasa.

Selama hampir setengah abad negara menikmati kemerdekaan, bahasa Melayu telah menjadi salah satu asas pembinaan negara yang penting melalui tiga fungsi utamanya, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu telah berhasil menjadi asas terbentuknya konsep negara yang berdaulat dan telah menjadi faktor pemersatuan rakyat yang ampuh sehingga terbentuk perpaduan kebangsaan. Sebagai bahasa rasmi pula, bahasa Melayu telah menjadi wahana komunikasi rasmi yang meng-

gerakkan jentera pentadbiran kerajaan dalam membangunkan negara dalam pelbagai sektor. Sektor utama negara seperti pentadbiran, pendidikan, undang-undang dan kehakiman serta media massa telah mencapai tahap kemajuan dan kecekapan yang membanggakan melalui bahasa Melayu sebagai wahana utamanya.

Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu telah memungkinkan berlangsungnya pendemokrasian pendidikan apabila sejumlah besar generasi muda mendapat peluang belajar dalam bahasa kebangsaan, tanpa kekangan faktor taraf sosio-ekonomi dan pengasingan etnik serta keeksklusifan bahasa penghantar ilmu yang dahulunya didominasi oleh bahasa Inggeris. Jutaan lepasan sekolah aliran kebangsaan telah terhasil dan merekalah yang menjadi tonggak pembangunan negara dalam pelbagai bidang. Meskipun pada tahap pengajian tinggi, khususnya yang melanjutkan pengajian di luar negara, memperoleh ilmu dalam bahasa asing, kenyataan yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa sehingga peringkat menengah atas sekurang-kurangnya, iaitu peringkat yang memberikan ilmu dan kemahiran asas kepada pelajar, pendidikan disampaikan dalam bahasa kebangsaan. Namun, apabila ada tindakan berpatah kembali untuk menjadikan bahasa lain sebagai wahana bidang-bidang utama kenegaraan itu, khususnya melalui bidang pendidikan, maka martabat bahasa Melayu sudah mula tergugat. Pengurangan fungsi dan peminggiran bahasa Melayu dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka secara langsung akan menjejaskan martabat bahasa Melayu sebagai salah satu tonggak pembinaan Negara.

### **Permasalahan dan Senario Semasa**

Bahasa yang kita warisi dari zaman keagungan tamadun Melayu silam (dari zaman Sriwijaya hingga zaman kesultanan Melayu Melaka, Pasai, Aceh, Kedah, Patani, Banjarmasin, Riau Johor dan sebagainya) dan kemudian dijadikan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu sesudah kemerdekaan negara ini telah mencapai tahap bahasa yang utuh sebagai wahana kehidupan masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun dengan adanya tantangan-tantangan semasa, bahasa Melayu mengalami kemerosotan dalam dua aspek, iaitu aspek taraf dan mutunya.

Kemerosotan dalam aspek taraf bermaksud penyempitan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan penggunaannya oleh undang-undang, iaitu Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai contoh, penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran, undang-undang, penyiaran dan pendidikan mutakhir ini ternyata bukan semakin meluas tetapi kian mengecil. Apabila subjek-subjek yang berteraskan sains dan matematik diputuskan diajarkan dalam bahasa Inggeris (sehingga unjurannya menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris akan mencapai 80% dalam sistem pendidikan

negara), misalnya pasti tidak dapat memenuhi aspirasi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama sistem pendidikan.

Kemerosotan dalam aspek mutu bahasa pula berkaitan dengan kurangnya sebilangan anggota masyarakat terhadap bentuk bahasa Melayu yang baku dan ragam bahasa Melayu rasmi, khususnya dalam konteks bidang yang rasmi seperti pentadbiran, penyiaran dan pendidikan. Percampuran ragam bahasa basahan (yang ditandai oleh fenomena bahasa rojak atau istilah linguistiknya peralihan kod, bahasa sms, bahasa sembang di internet, dan sebagainya) dengan bahasa yang baku dalam situasi rasmi menjadikan bahasa Melayu kehilangan darjat dan citra sebagai bahasa budaya tinggi. Demikian juga, semakin tidak nyata semangat cinta dan hormat kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan asas jati diri negara apabila kian banyak terjadi fenomena penamaan tempat, bangunan dan jalan, termasuk di kawasan yang menjadi pusat pentadbiran negara, yang mengutamakan nama berdasarkan bahasa asing (misalnya *precinct*, *parcel* dan *boulevard*).

Senario ini tentang kedudukan bahasa Melayu menunjukkan kian kurang terbudayanya bahasa Melayu dalam kalangan sejumlah anggota masyarakat, khususnya dalam konteks yang fungsional, iaitu yang berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Senario itu tergambar pada beberapa perkara yang berikut:

1. Penghayatan penjawat awam yang kurang memuaskan dalam pelaksanaan peruntukan Perkara 152 tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi sehingga masih banyak urusan rasmi seperti mesyuarat, pekeliling, majlis rasmi dan sebagainya yang masih tidak mengutamakan bahasa Melayu seperti yang ditafsirkan sebagai bahasa rasmi dalam Perlembagaan.
2. Tidak tegasnya dan tidak selarasnya penguatkuasaan penggunaan bahasa dalam sektor tertentu seperti penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di tempat awam (melibatkan pihak berkuasa tempatan), penyiaran (melibatkan Kementerian Penerangan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia).
3. Pengurangan peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sebagai kesan pelaksanaan beberapa keputusan, seperti pengajaran subjek-subjek berasaskan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah, peningkatan dan peluasan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar kursus di IPTA dan juga pengecualian pengajaran di IPTS dalam bahasa asing serta pengecualian pengajaran bahasa Melayu sebagai subjek wajib.

4. Globalisasi yang sebahagian besarnya melalui perantaraan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, sehingga timbul keghairahan yang kadang kala berlebihan dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat (pemimpin, profesional dan orang awam) untuk mengutamakan penguasaan bahasa Inggeris dan mengurangkan perhatian kepada penggunaan bahasa Melayu.
5. Budaya berbahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia, termasuk dalam kalangan orang Melayu sendiri tidak cukup mantap kerana adanya anggapan bahawa bahasa Melayu tidak berkolerasi dengan taraf sosial dan pendidikan serta tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, sementara bahasa Inggeris dianggap menjadi kayu ukur taraf sosial dan pendidikan serta menjanjikan pulangan ekonomi, misalnya dalam hal peluang pekerjaan. Jika bahasa Melayu digunakan pula, masih besar jumlah anggota masyarakat, termasuk golongan yang berpengaruh yang menggunakannya pada tahap mutu bahasa yang tidak begitu mencerminkan budaya tinggi.
6. Pernyataan yang merendahkan taraf dan relevannya bahasa Melayu turut mengurangkan perhatian dan keyakinan sebilangan anggota masyarakat kepada bahasa Melayu. Sebagai contoh, dalam pada DBP mengusahakan pelibatan sektor swasta menggunakan bahasa kebangsaan pada papan perniagaan dan iklan mereka, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (menurut laporan *The Star* pada 1 Januari 2004) membuat kenyataan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan tidak akan diwajibkan lagi pada papan perniagaan dan iklan. Seorang menteri kanan pula, melalui media juga, mengajak masyarakat mengabaikan pejuang bahasa yang didakwa berfikiran sempit, lalu menyeru agar digiatkan usaha meluaskan penggunaan bahasa Inggeris untuk mencapai kemajuan, dan dengan tidak segan-silu atau berasa hormat kepada salah satu asas kenegaraan, iaitu bahasa kebangsaan, mengisytiharkan bahawa urusan di kementeriannya kebanyakannya dilaksanakan dengan menggunakan bahasa Inggeris.

### **Langkah Meningkatkan Martabat Bahasa Melayu**

Langkah meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai wahana peningkatan tamadun Malaysia memerlukan perencanaan semula dalam beberapa aspek dan pada waktu yang sama memerlukan peneguhan dasar-dasar yang berkaitan dengannya, sebagai langkah membina ketahanan jati diri dan maruah bangsa dan negara. Antara langkah yang perlu diambil termasuklah:



- 1. Penegasan dasar bahasa dan penguatkuasaan dasar bahasa secara bersepadu** - Contohnya, pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi hendaklah ditegaskan semula supaya semua urusan rasmi dan majlis rasmi di peringkat negara mengutamakan penggunaan bahasa Melayu, selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Semua peruntukan tentang bahasa kebangsaan yang terdapat dalam undang-undang negara hendaklah bukan sahaja dihormati malah dilaksanakan dengan ikhlas dan jujur oleh semua lapisan, daripada pemimpin negara hingga penjawat awam dan masyarakat umum. Usahlah ada sebarang tindakan yang melemahkan undang-undang tersebut, sama ada melalui pengenalan dasar baru, pernyataan atau tindakan yang bercanggah dengan undang-undang itu.
- 2. Pindaan dan peluasan peruntukan akta yang berkaitan** - Pindaan Akta Bahasa Kebangsaan yang memberikan cakupan lebih luas penggunaan bahasa Melayu, pindaan akta-akta yang sudah tidak kemas kini atau tidak jelas tentang penggunaan bahasa Melayu seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan, Akta Pertubuhan, Akta Pendaftaran Perniagaan, Akta Syarikat, Akta Cap Dagang, Akta Industri Pelancongan dan beberapa yang lain perlu disegerakan. Selain itu, akta yang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Penyiaran dan Undang-undang Kecil Pengiklanan mestilah dikuatkuasakan pelaksanaannya secara tegas.
- 3. Pengayaan khazanah ilmu dan persuratan dalam bahasa Melayu** – Usaha ini perlu ditingkatkan supaya nilai bahasa Melayu menjadi lebih tinggi sebagai bahasa budaya tinggi, melalui penerbitan bahan ilmiah dan rujukan umum dalam pelbagai bidang untuk pelbagai peringkat dan dalam pelbagai media (bercetak dan elektronik). Agenda pengayaan khazanah ilmu dan persuratan Melayu mesti dimasukkan dalam agenda pembangunan negara melalui Belanjawan Negara.
- 4. Pembudayaan bahasa Melayu melalui sistem pendidikan** – Usaha ini perlu dimantapkan semula, dari peringkat prasekolah hingga peringkat pengajian tinggi. Kerajaan perlu memberikan penegasan yang lebih berat kepada usaha pembudayaan bahasa Melayu sebagai asas peneguhan tamadun bangsa Malaysia dalam dua aspek yang penting. Yang pertama ialah pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam proses pemerolehan dan pengembangan ilmu, selaras dengan perancangan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 yang diperkukuh oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib 1960 dan dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Sebarang usaha berundur daripada keputusan

yang penting dan bijaksana serta telah membuktikan kejayaan dalam proses pembinaan negara hendaklah dielakkan. Kejayaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan universiti-universiti lain dalam pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu untuk pelbagai bidang ilmu tidak harus direncanakan. Aspek yang kedua ialah pembudayaan bahasa yang baik, teratur, santun dan mewakili budaya tinggi melalui kegiatan pengajaran dan pembelajaran, sukatan pelajaran, buku teks dan bacaan tambahan serta melalui pelbagai kegiatan kokurikulum. Dengan demikian diharapkan landaan pelbagai ragam bahasa tidak rasmi, sama ada bahasa sembang internet, bahasa sms atau yang lain tidak akan sampai menggugat bahasa yang mewakili budaya teras.

- 5. Komponen bahasa dan persuratan dalam pelbagai program negara**  
– Semua program negara yang bersifat pembinaan sahsiah di pelbagai peringkat mesti memasukkan program bahasa dan persuratan, misalnya dalam Program Khidmat Negara, kursus Biro Tatanegara, KP3P dan sebagainya. Kursus atau apa-apa juga program motivasi untuk kalangan ahli politik dan profesional perlu memasukkan modul bahasa dan persuratan di dalamnya.
- 6. Modul bahasa dan persuratan dalam program latihan jabatan** -  
Setiap jabatan dan agensi kerajaan perlu memasukkan modul bahasa, penulisan dan persuratan dalam program “kursus dalam perkhidmatan” masing-masing.
- 7. Pemantauan berterusan terhadap bidang penyiaran dan media massa** - Usaha ini perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa media massa melaksanakan tanggungjawab sebagai agen pemantapan bahasa yang baik dan santun dalam penyiaran dan penerbitan program atau bahan. Tindakan perlu dilaksanakan dalam bentuk tindakan pentadbiran dan jua tindakan undang-undang.
- 8. Program pemyarakatan bahasa kebangsaan bertaraf kebangsaan** - Kerajaan, melalui semua kementerian, jabatan dan agensi serta perbadanan dan pihak swasta hendaklah secara aktif dan terancang menyertai program pemyarakatan bahasa kebangsaan di seluruh negara yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya Bulan Bahasa dan Sastera Negara yang dilaksanakan setiap tahun selama sebulan. Selain itu, setiap jabatan kerajaan dan swasta hendaklah diminta merancang dan menganjurkan kegiatan yang dapat menyemarakkan pembudayaan bahasa Melayu dari waktu ke waktu dalam perancangan tahunan supaya bahasa dan persuratan Melayu

tidak terpinggir dalam sektor di luar lingkungan orang atau institusi khusus dalam bidang bahasa dan sastera.

## PENUTUP

Pembangunan negara yang hakiki dan bersepadu hanya tercapai apabila semua bidang yang penting diberi perhatian yang sama beratnya, termasuk bidang bahasa dan budaya. Dalam konteks pembentukan jati diri dan citra negara ini pula, dasar-dasar yang bersifat endoglosia, iaitu berasaskan keperibumian yang disokong oleh hakikat sejarah kebudayaan dan tamadun di negara dan di rantau ini perlu dipertahankan dan ditingkatkan. Tidak seharusnya berlaku keadaan negara menuju kejayaan ekonomi dan industri sementara mengalami kehancuran daripada segi unsur dalaman bangsa, terutama bahasa dan budaya. Oleh itu, kerjasama antara semua kementerian, jabatan, agensi, pertubuhan, sektor swasta dan orang perseorangan perlu digemblengkan secara bersepadu oleh pemerintah dalam bentuk rangkaian yang berkesan untuk memastikan pencapaian kemajuan yang seimbang, selaras dengan cita-cita kepemimpinan negara hendak melahirkan warganegara yang unggul (*towering personality*) sebagaimana yang didambakan oleh Perdana Menteri.

## RUJUKAN

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972a. Konsep Baru mengenai Rencana serta Charagaya Penelitian Ilmiah Pengkajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Dlm. *Buku Panduan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972b. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1977. *Islam, Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1991. *The Conception of Education in Islam, A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib (pnyt.). 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terj. Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1995. *Prelogomena to Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

- Awang Had Salleh. 1980. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 1997. *Falsafah Pendidikan Bahasa: Kajian tentang Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia dengan Rujukan Khusus kepada Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Disertasi PhD. Universiti Malaya.
- Awang Sariyan. 2000. *Ufuk Baharu dalam Kerjasama Bahasa Melayu Serantau dan Antarabangsa*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru 2000. Anjuran Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA. 25 – 27 September.
- Awang Sariyan. 2002a. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2002b. *Ceritera Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. 2007. *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran dalam Linguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Collins, J.T. 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Faruqi, Ismail. 1991. *Kata Pengantar*. Dlm *Pengislaman Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ghazali. 1980. *Ihya Ulumuddin*. Terj. Ismail Yakub. Indonesia: Penerbit Asli.
- Ghazali Basri. 1990. *Di Sekitar Permasalahan Ilmu*. Dlm. Mohd. Idris Jauzi (pnyt.). *Faham Ilmu – Pertumbuhan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Hasan Langgugung. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Hasheem, O. 1988. *Menaklukkan Dunia Islam*. Surabaya: Yapi.
- Hashim Musa. 1980. *Teori Innateness dan Konsep Asyhadu: Penghuraian Bahasa, Akal dan Ilmu*. Dlm. Dewan Bahasa, 24, 12: 66-78.
- Hashim Musa. 1991. *Falsafah Bahasa Pengenalan kepada Bidang dan Sejarah Kajian*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad. 2002. *Dasar Bahasa dan Pembangunan Negara di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Hossein Nasr, Seyyed. 1976. *Western Science and Asian Cultures*. New Delhi: Indian Council for Cultural Relations.
- Kamus Dewan*. 2005. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. 1995. *Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1995 (Pindaan dan Peluasan)*.
- Malaysia. 1991. *Akta Pelajaran 1961*.
- Malaysia. 1996. *Akta Pendidikan 1996*.
- Nik Safiah Karim. 1993. *Pengajian Melayu Menjelang Abad Ke-21*. Syarahan Perdana Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. 1992. *Classification of Knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Insitut Kajian Dasar.

Perlembagaan Persekutuan. Malaysia 1957.

Siddiq Fadhil. 1990. Pengislaman Ilmu – Peranan Cendekiawan. Dlm. Mohd. Idris Jauzi (pnyt.). *Faham Ilmu – Pertumbuhan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

*The Star*. 2004. 1 January.

Universiti Islam Antarabangsa. t.th. Prospektus 1989/90.

Wan Mohd. Noor Wan Daud. 1991. *The Beacon on the Crest of the Hill*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. 1993. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Yaacob Yusoff. 1991. *The Qur`anic Notion of Knowledge and Challenge of Rationalism*. Shah Alam: Hizbi.

Zawawi Hj. Ahmad. 1988. Pemikiran al-Ghazali: Pendidikan. Kertas Kerja Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya. Anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. 23-25 September 1988.

